



## Singapura dan pengaruh luar menjelang Perang Dunia Pertama

Muhammad Aslah Akmal Azmi<sup>1</sup>, Mohd Samsudin<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Program Sejarah, Sains Politik dan Strategi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: Muhammad Aslah Akmal Azmi (email: aslahakmal@ukm.edu.my)

### Abstrak

Menjelang Perang Dunia Pertama, British mengakui bahawa Tanah Melayu khususnya Singapura telah pun terdedah dengan pelbagai hasutan dan propaganda pengaruh luar. Apabila Perang Dunia Pertama meletus pada 28 Julai 1914, pengaruh luar ini mula menyebarkan propaganda dan ideologi penentangan bagi mendapatkan sokongan masyarakat untuk bangkit menentang British. Ancaman utama British pada ketika itu adalah daripada pengaruh gerakan Ghadar, Pan Islamisme dan Jerman. Menyedari hal ini, kerajaan British telah mengambil beberapa langkah bagi menghalang ancaman dan pengaruh luar tersebut. Namun begitu, hasutan dan propaganda pengaruh luar tersebut tidak dapat dibendung dengan mudah apabila akhirnya tercetus peristiwa "*Singapore Mutiny 1915*". Artikel ini akan menganalisis keberkesanan usaha-usaha British dalam membendung serta menangani ancaman pengaruh luar yang membawa kepada peristiwa dahagi tentera (*Singapore Mutiny 1915*). Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif dengan penelitian terhadap sumber-sumber primer daripada rekod-rekod kerajaan British. Dapatan kajian memperlihatkan kelemahan dan kelonggaran pentadbiran British merupakan faktor utama yang telah membawa kepada berlakunya peristiwa "*Singapore Mutiny 1915*". Kesimpulannya, pentadbiran British di Singapura gagal menghalang ancaman dan pengaruh luar sehingga membawa kepada pemberontakan dari kalangan tenteranya sendiri iaitu *Indian 5<sup>th</sup> Light Infantry*.

**Katakunci:** British Malaya, *Indian 5<sup>th</sup> Light Infantry*, pengaruh luar, Perang Dunia Pertama, propaganda perang, *Singapore Mutiny*

## Singapore and foreign influence by the advent of World War I

### Abstract

When World War became imminent British Malaya admitted that Singapore has been particularly exposed to various foreign influences, incitement and propaganda. When the War broke out on July 28, 1914, foreign influences began to spread ideological propaganda to instigate local people to rise up against the British. Major threats facing the British at that time came from the Ghadar movement, Pan-Islamism and Germany. Recognising this, the British government took several counter measures but was unable to contain the incitement and propaganda of the foreign influences which eventuated in the Singapore mutiny of 1915. This study examined the effectiveness of the British efforts in curbing this threat of foreign influences that led to the Singapore Mutiny based on primary sources from the records of the British government. The findings revealed the weakness and ineffectiveness of the British administration as the main factors that led to occurrence of the Singapore Mutiny. The British administration in Singapore failed to prevent foreign threats and influences from igniting the revolt by its own army of the 5<sup>th</sup> Light Indian Infantry.

**Keywords:** British Malaya, First World War, foreign influence, Singapore Mutiny, war propaganda, 5<sup>th</sup> Light Indian Infantry

## Pengenalan

Menjelang abad ke-20, British sedar bahawa suatu konflik yang besar akan berlaku di Eropah. Peperangan di antara kuasa-kuasa Eropah tidak dapat dibendung lagi dan sekiranya Perang Dunia Pertama meletus, mustahil bagi British untuk tidak melibatkan diri dalam konflik antarabangsa tersebut. Sebelum perang meletus, pelbagai ideologi, hasutan dan propaganda mula tersebar di segenap pelosok negara bagi mendapatkan simpati, pembentukan sekutu dan pelbagai motif lain. Negara-negara jajahan mula mencari peluang untuk bangkit membebaskan diri daripada penjajah dan ini ditambah dengan perkembangan pengaruh luar yang sentiasa bersedia menghulurkan bantuan bagi merealisasikan matlamat tersebut.

Suasana hangat ini turut dirasai di Tanah Melayu khususnya di Singapura. Sebagai pusat pentadbiran Negeri-Negeri Selat, Singapura terdedah dengan pelbagai ideologi, hasutan dan propaganda yang ingin mengambil peluang disebalik kelekaan British terhadap peperangan di Eropah. Singapura yang terdiri daripada masyarakat pelbagai kaum, agama dan bangsa ternyata merumitkan British untuk menjaga kepentingan mereka. Setiap tindakan British mempunyai kesannya terhadap penduduk di Singapura. Perkara ini dieksplotasi dengan sebaiknya oleh musuh-musuh British yang mempunyai matlamat tertentu dalam menyebarkan pengaruh mereka. Musuh utama British pada ketika itu adalah daripada gerakan nasionalis India yang dikenali sebagai gerakan Ghadar, gerakan Pan Islamisme dan daripada Jerman. Kumpulan-kumpulan ini dianggap sebagai pengaruh luar di Singapura kerana sentiasa berusaha untuk menyebarkan pengaruh mereka dan melemahkan pengaruh British. Walaubagaimanapun, matlamat utama pengaruh luar ini adalah untuk mendapatkan sokongan masyarakat dan menyebarkan semangat anti-British.

Pengaruh luar ini terus berkembang pada zaman Perang Dunia Pertama namun kemuncaknya adalah apabila pengaruh luar ini menjadi antara faktor utama dalam suatu pemberontakan tentera India Muslim dalam peristiwa yang dikenali sebagai "*Singapore Mutiny*" yang berlaku pada 15 Februari 1915. Peristiwa ini memperlihatkan pengaruh luar mampu berikan tekanan kepada British kerana berjaya mempengaruhi sebuah regimen tentera British untuk bangkit memberontak. Pemberontakan yang berlaku ini sebenarnya berpunca daripada kelemahan pentadbiran British yang gagal menyekat dan menghapuskan pengaruh luar yang sentiasa menggugat kepentingannya di Singapura. Pentadbiran British juga mengambil mudah dalam setiap tindakan penyelesaian berkaitan keselamatan dan ketenteraan. Kesannya, pengaruh dan ancaman luar terus berkembang dan seterusnya berjaya menyemai perasaan anti-British dalam kalangan tentera India Muslim sehingga membawa kepada peristiwa *Singapore Mutiny 1915*.

## Pengaruh Gerakan Ghadar

Konspirasi Ghadar (*The Ghadar Conspiracy*) sememangnya berkait rapat dengan peristiwa *Singapore Mutiny* yang berlaku di Singapura pada tahun 1915. Gerakan Ghadar mula ditubuhkan di San Francisco pada 1913 oleh Lala Hardayal berikutan sokongan daripada golongan imigran India yang menetap di Amerika dan Kanada. Lala Har Dayal yang menganggap dirinya sebagai seorang nasionalis bermatlamat menyebarkan penentangan terhadap pemerintahan British di India. Gerakan tersebut memulakan pertapakannya di California dan dibiayai oleh ejen Jerman (Har Dayal, 1920; New York Times, 10 Mac 1917). Objektif mereka ialah untuk mengalihkan perhatian British daripada koloninya di India. Menurut rancangannya, ejen-ejen Ghadar akan melakukan kekacauan di koloni-koloni British yang lain. Kesannya, British akan mengalihkan tumpuannya terhadap kekacauan yang berlaku di koloni-koloni tersebut dan pada ketika inilah gerakan revolusi India dapat dilaksanakan (C.O. 273/435, 1915).

Pergerakan konspirasi Ghadar di Tanah Melayu mula agresif sejak tahun 1913. Melalui ejennya yang dikenali sebagai Ghadarwallah, golongan radikal ini bermatlamat untuk melemahkan kedudukan British. Jika usaha melemahkan British di Tanah Melayu tercapai, maka kedudukan British di India akan terus terjejas (Ban Kah Choon, 2001). Menjelang tahun 1913, pelabuhan-pelabuhan di Tanah Melayu

khususnya di Singapura telah menjadi pusat perisikan dan penyebaran hasutan yang sangat popular. Persinggahan ejen-ejen gerakan Ghadar di pelabuhan-pelabuhan secara tidak langsung memberikan impak yang buruk kepada British kerana mereka dapat berjumpa dengan komuniti India dan menyebarkan fahaman mereka.

*“The revolutionaries aboard the ships, such a Tosha Maru and Mashima Maruas organized themselves and made preliminary plans of their actions. They recited revolutionary songs in the port towns of Hong Kong, Manila, Singapore, Penang and Rangoon they went out, preaching rebellion and persuading their fellow Indians to joint the crusade.”* (Azharudin Mohamed Dali 2002).

Kesannya Tanah Melayu bukan sahaja menjadi kawasan laluan dan “persinggahan sementara” bagi ejen Ghadar, malah masyarakat Sikh yang menetap di Tanah Melayu sendiri turut terlibat secara aktif dalam gerakan tersebut (Azharudin Mohamed Dali, 2014).

Melalui ceramah, perjumpaan dan mesyuarat oleh gerakan Ghadar, mereka bukan sahaja menanam sikap anti-British malah terdapat usaha menghubungi pihak Turki agar memberikan bantuan kepada orang Islam di Tanah Melayu. Gerakan konspirasi Ghadar banyak bergantung kepada media seperti akhbar *The Ghadr* dalam menyebarkan ideologi mereka iaitu untuk menamatkan penguasaan British di India melalui revolusi senjata. Akhbar-akhbar daripada gerakan Ghadar ini didapati sangat merbahaya kerana menyebarkan hasutan yang mengancam British.

*“The language of the Hindustan Ghadar (newspaper) was violent. According to a Justice Department report, the Ghadar urged the political “seduction” of Indian troops, villagers and youth, and encouraged looting treasuries, manufacturing bombs, procuring weapons, and “massacring” loyal British subjects.”* (Karl Hoover, 1985).

Hasutan daripada gerakan ini kemudiannya dapat dilihat dalam peristiwa “*Singapore Mutiny*” apabila rejimen *Indian 5<sup>th</sup> Light Infantry* telah memberontak dan merampas senjata-senjata sebelum menyerang tentera-tentera kolonial British dan orang awam. Antara orang awam yang terkorban adalah 14 orang Eropah, 3 orang berbangsa Cina dan 2 orang berbangsa Melayu dalam peristiwa pemberontakkan tersebut (Christian Doran, 2000).

Melalui akhbar *The Ghadr*, ideologi dan propaganda gerakan Ghadar telah berjaya disebarkan ke seluruh dunia terutamanya di negara-negara jajahan British. Di Tanah Melayu, British yang gemar menggunakan tentera atau pengawal keselamatan dalam kalangan masyarakat Sikh telah memudahkan gerakan Ghadar untuk merencanakan pemberontakkan tentera. Ghadar yang membawa maksud “pemberontakkan” (*revolt*) dalam bahasa Punjabi menunjukkan bahawa masyarakat Sikh yang berasal daripada Punjab sangat sinonim dengan penentangan terhadap British. Ini berikutan sejarah penentangan masyarakat Sikh yang ingin membebaskan penguasaan British terhadap Punjab sejak tahun 1840 lagi (Azharudin Mohamed Dali, 2000). Dengan menggunakan propaganda semangat anti-kolonial dan kelemahan British kerana sedang berperang di Eropah, ideologi gerakan Ghadar berjaya mempengaruhi masyarakat India khususnya daripada komuniti Punjab untuk menyertai mereka.

*“The Punjabi community was led to believe that the stage was set for rebellion in India, that England was significantly weakened due to World War I, and that all Indians were in support of Ghadar.”* (L.P. Mathur, 1970).

Hasilnya, ideologi gerakan Ghadar berjaya disebarkan dengan mudah dan diterima oleh tentera-tentera India British di Tanah Melayu.

Di Singapura, *Indian 5<sup>th</sup> Light infantry* merupakan antara kelompok tentera sasaran mereka selain *Malay States Guides*. Ini adalah disebabkan oleh komposisi regimen tentera tersebut didominasi oleh kaum India Muslim serta kebanyakannya berasal daripada Punjab. Anggota tentera *Indian 5<sup>th</sup> Light*

*Infantry* yang direkrut di Singapura ternyata lebih unik kerana hampir seluruh anggotanya terdiri daripada penganut agama Islam. Jumlah regimen tentera tersebut adalah seramai 818 orang yang terdiri daripada orang Pathans, Baluchis serta daripada kelompok Muslim Rajput dari timur Punjab dan Delhi (C.O. 273/435, 1915). Maka idea-idea perjuangan gerakan Ghadar mengenai penentangan terhadap kolonial British, gerakan nasionalisme di India, gerakan Pan-Islamisme melalui seruan Jihad telah disebarkan dalam kalangan tentera India Muslim di Singapura.

Seterusnya perkaitan antara *Singapore Mutiny* dengan gerakan Ghadar di Tanah Melayu semakin terungkai melalui peristiwa kedatangan kapal *Komagata Maru* di Singapura. Kronologi peristiwa *Komagata Maru* bermula pada April 1914 apabila Gurdit Singh, seorang saudagar India yang menetap di Singapura telah menempah sebuah kapal untuk membawa imigran India dari Hong Kong ke Kanada. Walaubagaimanapun setelah tiba di Vancouver (Kanada), pihak berkuasa tidak membenarkan penumpang-penumpang *Komagata Maru* untuk mendarat kerana pihak berkuasa telah mengesan bahawa terdapat ejen-ejen Ghadar dalam kalangan penumpang tersebut. Setelah 2 bulan menunggu di pelabuhan, akhirnya kapal tersebut diarahkan untuk pulang ke India bagi menghantar imigran tersebut pulang ke Punjab. Dalam perjalanan pulang, *Komagata Maru* telah berhenti di Yokohama, Kobe dan Singapura sebelum tiba di Culcatta. Di Culcatta, imigran tersebut enggan menurut arahan pihak berkuasa dan seterusnya ingin berarak dan merusuh ke Delhi kerana tidak dapat mendarat di Kanada. Dalam keadaan inilah 19 orang daripada mereka yang telah ditembak dalam kekacauan yang berlaku (Tim Harper, 2013).

Pihak British dalam hal ini mengakui bahawa insiden *Komagata Maru* yang sempat berlabuh di Singapura telah meninggalkan kesan yang buruk di Singapura (C.O. 273/423, 1915). Hal ini adalah kerana sewaktu di Singapura inilah, ahli-ahli Ghadar berjaya menyebar dan mempengaruhi regimen-regimen tentera India untuk memberontak kepada British.

*“Several Ghadrates, as the members of the Ghandar Party came to known transited through Singapore on their way to India from Canada and the USA, spreading subversive propaganda among the Indians. These Ghandrites also made contact with Indian troops, especially the Sikhs of the Malay States Guides and with the Muslims of the 5<sup>th</sup> Light Infantry.”*(Khushwant Singh, 1991).

Antara isu-isu utama yang menjadi perjuangan mereka ialah penindasan kuasa kolonial, keperluan untuk merdeka dari jajahan kuasa asing dan idea-idea penentangan yang disemai melalui perasaan anti-British. Insiden *Komagata Maru* juga digunakan sebagai propaganda Ghadar iaitu layanan buruk ke atas terhadap masyarakat Sikh jika mereka masih tidak dapat membebaskan diri daripada penjajahan British.

Insiden *Komagata Maru* sebenarnya memperlihatkan kelemahan pentadbiran ketenteraan British dalam mengawal pergerakan dan penyebaran idea-idea gerakan Ghadar dalam kalangan penduduk dan tentera India di Singapura. Seorang penduduk Jellundur (India) yang telah ditemuramah memberitahu bahawa dalam perjalanan pulang daripada Singapura ke India, terdapat tidak kurang 4000 orang kolonis India rata-ratanya merupakan ahli gerakan Ghadar. Mereka dilihat menyebarkan hasutan kepada masyarakat Sikh di Singapura (Subhas Ranjan Chakraborty 2016). Selain itu, laporan pada tahun 1916 menyatakan bahawa sikap anti-British yang ditunjukkan, terutamanya oleh beberapa orang Sikh adalah disebabkan pengaruh oleh gerakan Ghadar melalui akhbar *The Ghadr* (C.O. 273/435, 1915). Jelasnya, kegagalan British dalam mengawal pergerakan dan penyebaran idea-idea gerakan Ghadar daripada insiden *Komagata Maru* telah memberikan kesan terhadap penduduk dan tentera India Muslim di Singapura.

Kesannya, gerakan Ghadar yang berkembang di Tanah Melayu telah tersebar luas dalam kalangan tentera British di Singapura iaitu *Indian 5<sup>th</sup> Light Infantry* dan *Malay States Guides*. Ini dapat dibuktikan melalui risikan serta tangkapan yang dijalankan oleh pihak British terhadap ejen-ejen Ghadar. Dalam hal ini, kelemahan utama British adalah kegagalan untuk menghalang penyebaran propaganda dan ideologi gerakan Ghadar dalam kalangan tentera mereka sendiri. Walaupun, agen-agen risikan berjaya mengenal pasti dan menangkap beberapa individu penting dalam gerakan Ghadar di Singapura namun peristiwa

*Singapore Mutiny 1915* memperlihatkan kegagalan British untuk mengawal tentera mereka serta membendung perkembangan pengaruh luar.

## Pengaruh Pan-Islamisme di Singapura

Pan-Islamisme merupakan satu gerakan penting terutamanya pada zaman Perang Dunia Pertama. Gerakan ini menekankan perpaduan dan kesatuan umat Islam di bawah pimpinan seorang khalifah yang berperanan membela hak umat Islam, bukan sahaja di Turki malah di seluruh dunia (Anthony Reid, 1967). Di bawah pemerintahan Sultan Abdul Hamid di Turki (1876-1908) gerakan Pan-Islamisme telah berkembang pesat ke seluruh dunia hasil sokongan daripada pentadbiran tertinggi Turki. Melalui Pan-Islamisme, orang-orang Islam di bawah empayar Turki harus bersatu manakala umat Islam di bawah penguasaan barat harus menyokong khalifah kerajaan Turki Uthmaniyah bagi memperjuangkan kemerdekaan negara masing-masing daripada belenggu penjajahan barat.

Di Singapura, pengaruh Pan-Islamisme turut dirasai oleh masyarakat Islam terutamanya daripada komuniti Melayu dan India Muslim. Semangat penentangan dan anti-British yang berkembang ini mencapai kemuncaknya apabila berlaku peristiwa "*Singapore Mutiny 1915*". Ini berpunca daripada kegagalan mengendalikan individu-individu penting yang menggerakkan gerakan Pan-Islamisme dan seterusnya menyebarkan fahaman anti British di Singapura. Kelemahan British ini digunakan dengan sebaiknya oleh individu seperti Kassim Mansur dan Nur Alam Shah. Kassim Ismail Mansur, seorang imigran India Muslim berketurunan Gujerati merupakan seorang ahli perniagaan kopi yang berjaya di Singapura (Farish A Noor, 2010). Selain kesungguhan dalam perniagaan, Kassim Mansur juga bermatlamat melihat kesatuan ummah di bawah sistem Khilafah dan beliau sangat komited dalam memperjuangkan Pan-Islamisme di Singapura. Beliau dilihat lebih berani apabila perjuangannya lebih terarah kepada golongan tentera India Muslim di Singapura iaitu *Indian 5<sup>th</sup> Light Infantry*.

Perkaitannya dengan *Indian 5<sup>th</sup> Light Infantry* dapat dilihat apabila Kassim Mansur sering kelihatan bersama dengan tentera-tentera tersebut. Kassim Mansur yang merupakan seorang usahawan terkenal di Singapura tidak mempunyai kekangan untuk sering membawa tentera-tentera *Indian 5<sup>th</sup> Light Infantry* untuk makan dan berbincang di rumahnya. Malah antara saksi yang pernah berjumpa Mansur sering melihat beliau membawa tentera India British ke rumahnya (The Times of Malaya, 29 April 1915). Kelekaan British dalam memantau dan menjaga pergerakan tenteranya itu memudahkan Kassim untuk mendekati dan menyebarkan fahaman Pan-Islamisme dan semangat anti British. Kassim sering menghabiskan hujung minggunya di rumahnya di Pasir Panjang dan askar-askar India British sering kelihatan di ladang beliau. Sumber-sumber British menyakini bahawa beliau telah dilihat bergaul dengan pengawal-pengawal tentera *Indian 5<sup>th</sup> Light Infantry* (The Times of Malaya, 24 April 1915). Walaupun British tidak mempunyai bukti yang kukuh untuk menangkap Kassim atas kesalahan hasutan pada ketika itu namun pentadbiran British di Singapura dilihat lemah apabila gagal mengawal pergerakan Kassim yang bukan hanya menerima kunjungan tentera *Indian 5<sup>th</sup> Light Infantry* di tempatnya malah beliau sendiri sering mengunjungi barisan tentera tersebut (C.O. 273/423, 1915).

Pergerakan Kassim Mansur ini kemudiannya bertambah ekstrem apabila perisikan British berjaya mengesan surat antara Kassim Mansur dengan anaknya di Rangoon memohon agar kerajaan Turki menghantar kapal perang ke Singapura (Azharudin Mohamed Dali, 2014). Surat itu juga memperihalkan persediaan yang telah dilakukan oleh beberapa orang *Malay States Guides (MSG)* yang menyokong gerakan anti-British untuk melancarkan pemberontakan dan menyatakan sokongan terhadap Turki dalam Perang Dunia Pertama (C.O. 273/435, 1915). Melalui surat-surat ini, Kassim ternyata sangat komited dalam melaksanakan cita-citanya dan maklumat ini sekaligus membuktikan bahawa Kassim telah berhubung dan berjaya mempengaruhi pasukan tentera British di Tanah Melayu. Ini terbukti apabila tentera sepoi ini enggan memerangi Turki tetapi telah bersedia untuk memberontak terhadap British. Mereka juga telah bersiap sedia untuk menentang British dan sekutunya, Rusia dan sanggup menanggung perbelanjaan mereka sendiri untuk ke Eropah untuk berperang bersama-sama dengan Turki (The Times of Malaya, 24 April 1915). Jelasnya, tentera-tentera Sepoi yang telah berjaya diyakinkan oleh Kassim

mempunyai moral dan semangat yang tinggi bukan sahaja untuk memberontak di Singapura malah mereka juga bersedia untuk berperang melawan musuh Turki di Eropah.

Kassim Mansur walaupun bagaimanapun tidak berpeluang menyaksikan pemberontakan tentera-tentera British di Singapura apabila beliau telah ditangkap pada 23 Januari 1915 dengan tuduhan hasutan dan penderhakaan. Mahkamah kemudiannya telah menyabitkan kesalahan yang berat terhadap Kassim Mansur iaitu penderhakaan, pengkhianatan dengan memberikan maklumat risikan kepada musuh dan percubaan memerangi baginda Queen British (Times of Malaya, 24 April 1915). Walaupun beliau telah ditangkap beberapa hari sebelum pemberontakan berlaku, namun Kassim dilihat telah berjaya meyakinkan tentera-tentera British di Tanah Melayu iaitu *Indian 5<sup>th</sup> Light Infantry* dan *Malay States Guide* untuk terus bangkit menentang British. Dalam masa yang sama, penangkapannya juga memberikan kesan negatif iaitu menaikkan lagi semangat untuk menentang British terutamanya dalam kalangan tentera sepoi yang bersahabat baik dengannya (Ban Kah Choon, 2001). Secara tidak langsung, peristiwa *Singapore Mutiny* yang berlaku pada 15 Februari 1915 memperlihatkan kejayaan Kassim Mansur dalam memperjuangkan gerakan Pan-Islamisme dan idea perjuangan anti British dalam kalangan tentera India British.

Kassim Mansur di Singapura, tidak bergerak sendirian dalam menyebarkan fahaman Pan-Islamisme dan anti-British. Nur Alam Shah merupakan tokoh agama yang berpengaruh disebalik perjuangan menentang British di Singapura. Kassim bersama-sama dengan Nur Alam merupakan ancaman yang dianggap sangat berpengaruh di Singapura malah laporan perisikan British juga telah mendapati Nur Alam Shah sebagai individu yang sangat merbahaya dalam menyebarkan hasutan dan propaganda anti-British (Ban Kah Choon, 2001). Nur Alam Shah bukan hanya merupakan seorang imam di Masjid Kampung Jawa, Singapura malah beliau juga dikenal pasti sebagai seorang nasionalis India Muslim yang dikaitkan dengan gerakan revolusi iaitu Gerakan Ghadar.

Kegiatan Nur Alam Shah dalam menyebarkan sentimen anti-British dan fahaman Pan-Islamisme sebenarnya telah diketahui oleh British. Melalui ejen-ejen risikan British, mereka telah menyamar sebagai jemaah dalam Masjid Kampung Jawa untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan tindakan Nur Alam Shah (C.O. 273/435, 1915). Dalam hal ini, British mengesahkan bahawa individu ini sangat merbahaya kerana menyebarkan hasutan serta propaganda anti-British.

*“Again, the evidence of Secret Agent goes to prove that Indian officers and men of this regiment were in the habit of visiting the Kampong Java Mosque in Singapore where a well known and most dangerous character, a PIR or holy man named Nur Alam Shah held court and preached the rankest of sedition against the Government and everything British, and incited Sepoys to rise against the British, telling them that a German warship was to arrive at Singapore.”* (C.O. 273/423, 1915).

Ceramah Nur Alam Shah banyak memberikan kesan kepada ahli jemaah Masjid Kampung Jawa yang turut dihadiri oleh anggota tentera India Muslim. Jemedar Chiste Khan merupakan antara pegawai dalam regimen *Indian 5<sup>th</sup> Light Infantry* yang banyak menghadiri ceramah Nur Alam Shah. Beliau kemudiannya telah menjadi antara penggerak utama dalam mempengaruhi *Indian 5<sup>th</sup> Light Infantry* untuk menentang British (C.O. 273/423, 1915).

Dalam hal ini, peperangan antara British dengan Turki ternyata memberikan kesan yang mendalam terhadap umat Islam. Penglibatan Britain dalam Perang Dunia Pertama dengan Turki dilihat merupakan antara faktor terbesar yang membawa kepada pemberontakan kerana Turki dianggap sebagai ketua bagi seluruh umat Islam (C.O. 273/423, 1915). Kebanyakan umat Islam sememangnya tidak selesa untuk perang dengan Turki. Bagi kebanyakan tentera Muslim, berperang dengan Turki adalah suatu perbuatan yang berdosa dan mungkar, kerana fatwa dari pemerintah Turki telah mengisytiharkan jihad menentang British (Ban Kah Choon, 2001). Maka dalam hal ini, peperangan antara British dengan Turki telah menjadi isu utama dalam membangkitkan sentiment penentangan terhadap British.

Menurut seorang pemberontak yang ditangkap selepas peristiwa *Singapore Mutiny 1915*, antara kandungan ceramah Nur Alam Shah di Masjid Kampung Jawa mengatakan bahawa, walaupun benar

tentera India British pernah memerangi orang Islam di bawah bendera British namun situasi pada masa kini berlainan kerana musuh British adalah ketua kerajaan umat Islam iaitu Turki (C.O. 273/420, 1915). Penglibatan Nur Alam Shah dalam peristiwa *Singapore Mutiny* juga dapat dilihat apabila beliau telah membantu beberapa orang pemberontak seperti Col Hav. Intiaz Ali untuk melepaskan diri daripada Singapura (C.O. 273/423, 1915). Justeru, jelaslah bahawa Nur Alam Shah merupakan antara individu penting yang menyebarkan fahaman anti-British dan Pan-Islamisme di Singapura. Kesungguhan beliau dapat dilihat dalam usahanya menyebarkan semangat penentangan dalam kalangan tentera British malah turut membantu mereka dalam peristiwa pemberontakkan.

## Hasutan dan propaganda Jerman

Kelemahan dalam penguatkuasaan British turut dapat dilihat dalam tindakannya menghalang hasutan dan propaganda daripada ejen Jerman. Selain menghadapi ancaman dan pengaruh daripada kerajaan Turki Uthmaniah yang mempunyai pengaruh yang besar terhadap masyarakat Islam, British turut menghadapi ancaman yang agresif daripada Jerman. Jerman bukan sahaja telah menyebarkan hasutan dan propaganda untuk mencetuskan huru-hara di Tanah Melayu malah telah berjaya menyerang pelabuhan Pulau Pinang pada 28 Oktober 1914 (Azharudin Mohamed Dali, 2014). Selain serangan berbentuk ofensif, Jerman yang menjadi musuh British pada Perang Dunia Pertama sangat giat menjalankan kegiatan subversif dan risikan. Ini ditambah pula apabila anak-anak kapal perang *Emden* yang berjaya ditumpaskan pada November 1914 telah dipenjarakan di Kem Tahanan Singapura sekaligus menarik kedatangan ejen-ejen Jerman.

Selain anak-anak kapal *Emden*, kem tahanan Tanglin di Singapura turut menempatkan orang-orang Jerman yang ditangkap sejurus selepas meletusnya Perang Dunia Pertama. Di kem tahanan inilah, mereka mempengaruhi pengawal-pengawal dalam kalangan tentera *Indian 5<sup>th</sup> Light Infantry* yang menjaga pos tahanan tersebut. Berikutan kelonggaran yang diberikan terhadap tahanan-tahanan Jerman ini, adalah amat mustahil bagi mereka untuk tidak menyebarkan propaganda dan hasutan kepada tentera-tentera India tersebut terutamanya berkenaan peperangan British dengan Turki (Azharudin Mohamed Dali, 2014). Dalam hal ini, walaupun diketahui agak mustahil tahanan perang Jerman tidak akan mensia-siakan peluang untuk menyebarkan propaganda mereka, namun pihak British masih tidak melakukan apa-apa.

Kegagalan pihak berkuasa untuk menukar pengawal kem tahanan tentera di Tanglin sedikit sebanyak telah menjadi faktor penyebaran propaganda Jerman ke atas tentera *Indian 5<sup>th</sup> Light Infantry*. Ini dapat dibuktikan dalam surat Arthur Young (Gabenor Negeri-Negeri Selat) di mana pada 8 Disember, Major General Reade memberitahu Arthur Young dalam suatu surat rasmi bahawa tahanan perang Jerman di Tanglin telah melakukan percubaan untuk memujuk pengawal sentri yang menjaga mereka. Beliau kemudian memaklumkan bahawa beliau akan mengambil tindakan dengan menukar pegawai daripada tentera India Muslim yang mengawal kem tahanan tentera itu dengan pengawal tentera kulit putih bagi memastikan perkara tersebut tidak akan berlaku lagi pada masa akan datang. Namun selepas berlaku pemberontakkan Arthur terkejut apabila mengetahui bahawa tindakan untuk menukar pengawal itu tidak dilaksanakan (C.O. 273/423, 1915). Kegagalan pihak British pada ketika itu untuk menukar pengawal yang menjaga pos tahanan tersebut jelas mempamerkan kecuaiannya dan kelemahan penguatkuasaan untuk menghalang hasutan dalam kalangan tahanan Jerman terhadap askar *Indian 5<sup>th</sup> Light Infantry*.

Hasutan dan propaganda Jerman terhadap askar-askar India British di Tanglin sebenarnya banyak berkisar tentang situasi pada era Perang Dunia Pertama pada ketika itu. Antara isu yang menjadi propaganda agen Jerman adalah orang-orang Islam tidak harus berperang dengan Turki yang merupakan ketua kerajaan umat Islam dan kerajaan Islam itu akan musnah jika Turki kalah dalam perang dunia ini. Seterusnya, propaganda mereka juga menyebarkan bahawa Jerman merupakan sekutu kuat Turki dan dalam hal ini Jerman harus disokong kerana kemenangan Jerman dan Turki akan menamatkan penguasaan kuasa Eropah seperti British di negara-negara jajahannya seperti di India dan Singapura. Selain itu terdapat juga laporan-laporan perisikan bahawa tahanan Jerman telah “menjadi orang Islam” ketika dalam tahanan perang bagi mendapatkan pengaruh askar India Muslim yang mengawal mereka.

Sebagai contoh, tahanan Jerman itu didapati melakukan sujud ketika matahari terbenam dan berpura-pura membaca Al-Quran (C.O. 273/423, 1915). Selain itu, Kaiser Jerman juga dikatakan telah memeluk agama Islam dengan nama Haji Mohammed William Kaiser Jerman dan anak perempuannya telah dikahwinkan dengan putera sulung Sultan Turki (Tim Harper, 2013). Ini adalah untuk meyakinkan tentera India Muslim yang menjaga tahanan Jerman ini bahawa mereka merupakan sekutu kuat Turki dan mengamalkan ajaran Islam.

Propaganda lain yang disebarikan adalah British hampir tewas dalam peperangan ini dan satu kapal perang Jerman akan tiba di Singapura bagi menamatkan penguasaan British di Tanah Melayu. Selain itu terdapat juga bukti-bukti penyebaran tentang kejatuhan prestij British sebagai kuasa besar dalam Perang Dunia Pertama itu apabila Jerman dikatakan hampir memenangi perang tersebut (C.O. 273/423, 1915). Propaganda Jerman ini terbukti diterima oleh tentera-tentera India apabila seorang pegawai India dalam regimen *Indian 5<sup>th</sup> Light Infantry* menerima dan kemudiannya menyebarkannya dalam kalangan anggota tentera lain.

*“That the German had a hand in bringing about the mutiny there can be but little doubt, and it is to them we must attribute the tales of German ascendancy and loss of British prestige with which we are told Jemadar Chiste Khan regaled his men at Pulo Brani and which were doubtless common talks in regiment.”* (C.O. 273/423, 1915).

Jelasnya, kepintaran agen-agen Jerman dalam menyampaikan propaganda dan hasutan mengikut situasi pada masa itu sememangnya memberi kesan kepada askar-askar India yang sedang berdepan dengan pelbagai isu seperti tuntutan kemerdekaan, revolusi, Pan-Islamisme dan lain-lain. (Ban Kah Choon, 2001). Keadaan ini ditambah pula dengan kelonggaran dan kecuaiannya pihak pentadbiran ketenteraan British yang dilihat gagal dalam menghalang penyebaran hasutan, propaganda, dan semangat anti-British. Kesannya, *Indian 5<sup>th</sup> Light Infantry* dengan mudah menerima idea-idea propaganda hasutan ini dan kemudiannya bangkit menentang British.

## Kesimpulan

Perkembangan pengaruh luar dan perkaitannya terhadap peristiwa pemberontakan tentera pada zaman Perang Dunia Pertama memperlihatkan secara jelas kelemahan British dalam menghadapi ancaman pengaruh luar. Kesilapan utama British pada ketika itu ialah keyakinan bahawa Tanah Melayu bebas daripada ancaman pengaruh luar yang mampu menggugat penguasaan British di kawasan tersebut. Walaupun British mengetahui bahawa keadaan di Singapura pada waktu itu sangat hangat dengan gerakan puak radikal Ghadar, semangat Pan-Islamisme dan hasutan dan propaganda Jerman namun British dilihat gagal membuat keputusan yang bijak dalam menghadapi permasalahan yang tercetus. Keyakinan yang tinggi terhadap regimen *Indian 5<sup>th</sup> Light Infantry* juga membawa masalah besar kepada British kerana apabila regimen ini memberontak, pertahanan British di Singapura berada dalam kedudukan yang sangat lemah. Selain itu, kelemahan British juga dapat dilihat apabila pentadbiran British gagal membendung pengaruh luar ini daripada terus berkembang.

Jelasnya, perkembangan pengaruh luar di Singapura merupakan anasir yang sangat merbahaya kepada British. Melalui sentimen dan propaganda, masyarakat boleh bangkit dan negara boleh memberontak. British menyedari hal ini namun pentadbiran British di Tanah Melayu khususnya di Singapura tidak dapat menguruskan dengan baik pengaruh luar yang berkembang di Singapura serta gagal membentuk strategi yang berkesan dalam menghadapi pengaruh luar ini. Kesimpulannya, peristiwa “*Singapore Mutiny 1915*” yang berlaku ini memperlihatkan kelemahan-kelemahan British telah digunakan dengan sebaik mungkin oleh pihak-pihak yang ingin menjatuhkan British. Kesannya, pentadbiran British di Singapura gagal menghalang ancaman dan pengaruh luar sehingga membawa kepada dahagi dari kalangan tenteranya sendiri (*Indian 5<sup>th</sup> Light Infantry*).



## Rujukan

Sumber primer:

C.O. 273/420-435. *Colonial Office: Straits Settlements Original Correspondence*. Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

W.O. 32/3630. 1930 *Memorandum regarding a detachment of the Johore Military Forces stationed at Tanglin Barracks and the work done in connection with the arresting of Indian mutineers and handing them over to military authorities in Singapore 1915*. Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

Akhbar (1914-1917):

*Straits Times*

*The New York Times*

*The Times of Malaya*

*Utusan Melayu*

Buku dan artikel jurnal:

Azharudin Mohamed Dali (2000) Masyarakat India dan Gerakan Politik di Tanah Melayu, Tahun 1910-1920-An dengan Tumpuan kepada Masyarakat Sikh. *Malaysia Dari Segi Sejarah* 28, 60-71.

Azharudin Mohamed Dali (2002) The Ghadar Movement in Southeast Asia, 1914-1918. *Jati* 7, 61-77.

Azharudin Mohamed Dali (2014) *Sejarah Perisikan di Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Ban Kah Choon (2001) *Absent History, The Untold Story of Special Branch Operation in Singapore 1915-1942*. Singapore, Horizon Books.

Chakraborty SR (2016) The Journey of Komagata Maru: Conjunction, Memory and History. *South Asian Diaspora* pp.1-14.

Doran C (2000) Gender Matters in the 1915 Singapore Mutiny. *Programme The 16th Conference of The International Association of Historians of Asia*. Arkib Negara Malaysia. 27- 31 Julai 2000.

Farish AN (2010) From Empire to The War of Terror: The 1915 Indian Sepoy.

Mutiny in Singapore as A Case Study of The Impact of Profiling of Religious and Ethnic Minorities. *RSIS Working Paper No. 206*. 1-26.

Harper T (2013) Singapore, 1915, and the Birth of the Asian Underground. *Modern Asian Studies* 47, 1782-1811.

Har Dayal (1920) *Forty-Four Month in Germany and Turkey, February 1915-October 1918 A Record of Personal Impressions*. P.S. King & Son, Ltd, London.

Hoover K (1985) The Hindu Conspiracy in California, 1913-1918. *German Studies Review* 8(2), 245-261.

Mathur LP (1970) *Indian Revolutionary Movement in the United States of America Delhi*. New Delhi, S.Chand & Co.

Reid Anthony (1967) Nineteenth Century Pan-Islamism in Indonesia and Malaysia. *Journal of Southeast Asian Studies* 26(2), 267-283.